

Membeli sambil menderma



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad (kiri) hadir menyempurnakan pelancaran Projek Jualan Amal Menjelang Hari Raya anjuran Persatuan PERTIWI Daerah Belait Kali Ke-34.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Ridzuan meninjau pelbagai jenis kuih yang dijual semasa Projek Jualan Amal anjuran Persatuan PERTIWI Daerah Belait tersebut.

Berita dan Foto : Norsaisah Haji Muhammed

BELAIT, Sabtu, 18 Mei. - 'Membeli Sambil Menderma' merupakan tradisi Projek Jualan Amal Menjelang Hari Raya anjuran Persatuan PERTIWI Daerah Belait. Projek Kali Ke-34 diadakan itu dilancarkan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad, berlangsung di Dewan Pejabat

Daerah, Seria. Seramai 30 ahli PERTIWI menyertai jualan dengan mengambil kira segala syarat seperti pemeriksaan kesihatan; dan penggunaan bahan-bahan berkualiti dalam pembuatan kuih-muih berbentuk biskut, kek dan sebagainya untuk keperluan orang ramai menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

Pihak penganjur menyediakan petak jualan pakaian di bahagian luar bangunan dalam usaha memberikan pilihan kepada orang ramai untuk mempersiapkan keperluan menjelang Hari Raya. Pilihan kuih-muih lebih berkualiti dan trend terkini juga boleh diperolehi semasa jualan amal itu, di mana 10 peratus daripada hasil jualan peserta akan disumbangkan kepada Tabung Amal Anak Yatim Daerah Belait dan Tabung Amal Kebajikan

Daerah Belait. Projek jualan yang diadakan setiap tahun itu banyak membantu kaum wanita, terutama dalam kalangan ahli-ahli persatuan berkenaan ke arah meningkatkan pendapatan sampingan daripada hasil jualan mereka. Antara yang hadir semasa majlis

pelancaran projek jualan amal tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Penghulu dan Ketua-ketua Kampung juga Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3, Seria.

Aktiviti keagamaan, amal semarakkan Ramadan



PEMANGKU Pengetua, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil (tengah) menyampaikan sumbangan derma kepada 31 anak yatim dan kakitangan yang berkenaan pada majlis tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkia

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu 18 Mei. - Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkia (SMALHB) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan 1440 Hijrah dan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim dan Kurang Berkemampuan

di Surau At-Taqwa. Majlis bertujuan untuk menyemarakkan lagi suasana Tadarus Al-Quran pada bulan Ramadan dengan bacaan Al-Quran untuk memperoleh keberkatan dan pahala yang berlipat ganda sempena bulan Ramadan yang

mulia ini. Program seumpama ini dapat memberi motivasi, semangat kerohanian dan galakan kepada semua pelajar agar mengisi masa lapang di bulan Ramadan dengan membaca Al-Quran, di samping meraih keberkatan dengan menghulurkan bantuan kepada anak-anak yatim dan kurang berkemampuan dalam sama-sama menyambut kedatangan bulan Syawal. Selain itu, majlis juga diharap dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara guru-guru dan para pelajar. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan bacaan dari Surah Ad-Dhuha sehingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Muhammad Aimanuddeen Syahir bin Haji Ibrahim. Sejurus itu, bacaan Takthim dipimpin oleh Ahmad Muazzam bin Madeli, pelajar dari Kelab 'Syabul Quran' sementara bacaan Doa Khatam diketuai oleh Auza'ie Rusydi bin Suhaili manakala Dikir Marhaban dipimpin oleh Mohd. Zareff Shafie @ Mohd. Fauzan bin Mohd. Amril. Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada 31 anak yatim dan kakitangan yang berkenaan oleh Pemangku Pengetua, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil. Majlis ini diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh Muhammad Hasbul Wafi @ Husairee bin Sisah.



ANTARA pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkia (SMALHB) pada Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan 1440 Hijrah dan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim dan Kurang Berkemampuan di Surau At-Taqwa.

Projek Amal Baju Raya bantu masyarakat memerlukan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Sabtu, 18 Mei. - Dalam usaha untuk membantu masyarakat yang kurang berkemampuan di negara ini, DASH dengan kerjasama Generasi Bekarib dan Hand4Handbn telah mengadakan Projek Amal Baju Raya (PABR) 2019 yang berlangsung di Gimnasium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

PABR 2019 diadakan secara dua peringkat, iaitu peringkat pertama merupakan 'Donation Drive' di mana sumbangan berupa pakaian untuk hari raya, seperti baju cara melayu, sinjang, songkok, baju kurung, tudung dan pin tudung yang dikumpulkan bermula 18 Mei hingga 19 Mei 2019. Manakala peringkat kedua pula ialah 'Baju Raya Giveaway', iaitu penyerahan sumbangan yang akan berlangsung di Gimnasium UNISSA pada 26 Mei 2019.

Dalam temu bual bersama Pengerusi PABR 2019, Awang Muhammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit melahirkan rasa penghargaan di atas sumbangan yang diterima dan mengalu-alukan orang ramai untuk sama-sama menjayakan projek amal tersebut. Seramai 95 sukarelawan dari kalangan belia menyertai PABR 2019 yang antara lain bertujuan untuk menyediakan baju raya yang baharu ataupun masih dalam keadaan baik untuk dibahagikan kepada mereka yang kurang berkemampuan secara percuma.

Sasaran utama bagi sumbangan projek tersebut ialah orang yang kurang berkemampuan yang telah dikenal pasti oleh ketiga-tiga organisasi berkenaan, serta golongan ataupun orang ramai yang memerlukan sama ada berdaftar atau tidak.

Projek tersebut turut disokong oleh UNNISA dan Kristal FM dan sebarang pertanyaan mengenainya boleh menghubungi ke talian +673 887 7345; +673 873 9970 atau melayari laman sosial @generasibekarib atau @hand4handbn.



PARA sukarelawan daripada DASH team, Generasi Bekarib, Hand4Handbn dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali berganding bahu memeriksa pakaian yang disumbangkan untuk dibahagikan ke dalam kategori yang ditentukan sebelum majlis pengagihan pada 26 Mei nanti.